

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
28 OGOS 2015**

---

**1. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN PENGENAAN  
NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2015**

Dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2015 adalah pada 31 Ogos 2015. Waktu operasi kaunter bayaran di Ibu Pejabat Perda akan dilanjutkan bagi tiga (3) hari terakhir bulan Ogos 2015 dan waktunya adalah seperti berikut:-

<b>HARI / TARIKH</b>	<b>WAKTU OPERASI KAUNTER</b>
<b>Jumaat (28/8/2015)</b> Kaunter MPSP Bandar Perda Sahaja	7.30 pagi hingga 8.30 malam
<b>Sabtu (29/8/2015)</b> Kaunter MPSP Bandar Perda Sahaja	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari
<b>Ahad (30/8/2015)</b> Kaunter MPSP Bandar Perda Sahaja	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari
<b>Isnin (31/8/2015)</b>	<b>Cuti Umum. Pembayaran boleh dibuat secara online.</b>

Selepas dari tempoh tersebut, MPSP akan mengenakan caj Notis E sebanyak RM10.00 bermula 1 September 2015 ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Pemilik premis diminta menjelaskan tunggakan segera bagi mengelakkan harta dari disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP.

## **2. SELAMAT MENYAMBUK HARI KEMERDEKAAN YANG KE-58 PADA 31 OGOS 2015**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-58 pada 31 Ogos 2015 (Isnin) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum.

## **3. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-5 pada 6 September 2015 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan

ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Tema Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai untuk bulan September 2015 adalah Remaja Kreatif (*Youth Creative*).

Sebagai makluman, dalam program yang sama juga MPSP akan mengadakan Majlis Penyerahan Pasu Bunga kepada sekolah-sekolah di Seberang Perai yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau tahun 2015.

#### **4. SAMBUTAN HARI MALAYSIA PADA 16 SEPTEMBER 2015 (RABU)**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September 2015 (Rabu). Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Malaysia pada tarikh yang sama pada tahun 1963. Hari ini merupakan Cuti Kelepasan Am.

## **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA**

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 24 September 2015 (Khamis). Justeru, 24 September 2015 (Khamis) adalah hari cuti Kelepasan Am.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 6 September 2015 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 20 September 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 September 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**